

Confident Building Measures (CBM) Sebagai Pemudahcara Komunikasi dalam Rundingan GBC Malindo

SHAHRIZAL SA'AD
MOHD IKBAL MOHD HUDA*
RAVICHANDRAN MOORTHY
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Komunikasi merupakan elemen penting dalam sesebuah kerangka kerjasama khususnya melalui perundingan antara dua negara. GBC Malindo, yang telah ditubuhkan sejak tahun 1972 melalui SA72/84, merupakan satu platform perundingan utama di antara Malaysia dan Indonesia dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan pengurusan keselamatan sempadan. Walau bagaimanapun, wujud cabaran dalam proses perundingan di antara kedua-dua pihak. Antaranya adalah berkaitan masalah komunikasi tidak lancar yang memberikan kesan kepada keberkesanan GBC Malindo. Komunikasi yang tidak lancar ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya adalah isu *trust deficit*, persepsi ancaman yang berbeza, jurang kemampuan dan keupayaan negara serta masalah penyelarasan antara agensi. Oleh itu, kajian ini akan meneroka permasalahan ataupun cabaran dalam komunikasi yang berlaku semasa rundingan GBC Malindo melalui beberapa kajian kes yang dipilih. Kajian ini menggunakan kaedah Kualitatif, yang mana data premier diperolehi melalui analisis dokumen berkaitan pelaksanaan program dan aktiviti di bawah GBC Malindo serta temu bual berstruktur melibatkan beberapa responden dari kedua-dua negara. Fokus kajian adalah merungkai bagaimana masalah komunikasi dalam perundingan ini masih mampu membolehkan GBC Malindo terus kekal sebagai platform utama perbincangan dan dapat menyelesaikan isu-isu yang diketengahkan. Hasil analisis mendapati bahawa masalah komunikasi yang wujud dalam rundingan GBC Malindo dapat diselesaikan dengan pendekatan *Confident Building Measure (CBM)* khususnya melalui hubungan rapat antara pemimpin GBC Malindo kedua-dua negara. Melalui CBM, masalah berkaitan komunikasi yang menyebabkan isu-isu keselamatan tidak dapat diselesaikan telah berjaya ditangani.

Kata kunci: *Komunikasi, GBC Malindo, Malaysia dan Indonesia, cabaran perundingan, Confident Building Measure (CBM).*

Confident Building Measures (CBM) in Facilitate GBC Malindo Negotiations

ABSTRACT

Communication is an important element in cooperation framework, especially through negotiations between two countries. GBC Malindo, which has been established since 1972 through SA72/84, is a main negotiation platform between Malaysia and Indonesia in resolving issues related to border security management. However, there are challenges in the negotiation process between the two countries. Among them is related to the issue of lack in communication, which affects GBC Malindo effectiveness. This lack in communication is due to several factors such as trust deficit, different threat

perceptions, the country's capacity and capabilities gap and inter-agency coordination problems. Therefore, this study will explore the problems or challenges in communication that occurred in GBC Malindo negotiations through few case studies selected. This research has used Qualitative method, where premier data is obtained through analysis documents related to the implementation of programs and activities under GBC Malindo, as well as structured interviews with several respondents from both countries. The study focus is to unravel how communication issues in negotiation is still able to remain GBC Malindo as the main platform for discussion and resolving the issues highlighted. The results found that communication issues exist in GBC Malindo negotiations can be resolved with Confident Building Measure (CBM), particularly through close relationship between two leaders of GBC Malindo. Through CBM, communication-related problems that caused security issues which cannot be resolved, have been successfully addressed.

Keywords: *Communication, GBC Malindo, Malaysia and Indonesia, negotiation challenges, Confident Building Measure (CBM).*

PENGENALAN

Umum mengetahui bahawa berlaku jenayah rentas sempadan (JRS) di sempadan darat Malaysia-Indonesia yang melibatkan aktiviti pencerobohan dan penyeludupan sama ada barangan dan manusia seperti penyeludupan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), barangan bersubsidi, dadah dan senjata api serta pencerobohan sempadan bagi aktiviti penempatan dan pertanian (Dollah et al., 2016). Lebih-lebih lagi sejak kemunculan internet dan perkembangan pesat komunikasi teknologi, dunia telah mengalami globalisasi yang semakin agresif (Kamaruddin et al., 2022), di mana memudahkan lagi komunikasi di antara penyeludup dan penjenayah yang terlibat daripada kedua-dua negara untuk melakukan JRS tanpa mengira batas sempadan. Semua aktiviti JRS yang berlaku ini telah menjejaskan keselamatan negara khususnya dalam konteks kedaulatan, keselamatan, ekonomi, sosial, politik dan komuniti yang mana telah mempengaruhi pendekatan dan strategi kedua-dua negara dalam menanganinya. Daripadanya, kerjasama GBC Malindo telah diwujudkan sejak 50 tahun lalu antara Malaysia dan Indonesia melalui *Security Arrangement (SA) 1972* dan ditambah baik pada 1984. GBC Malindo merupakan satu platform kerjasama keselamatan sempadan bagi membincangkan dan merundingkan perkara-perkara berkaitan dengan perancangan dan tindakan yang perlu diambil bagi menyelesaikan isu-isu keselamatan yang berlaku di sempadan Malaysia-Indonesia. Walau bagaimanapun, terdapat cabaran dalam kerjasama keselamatan sempadan ini yang mana mengganggu keberkesanan GBC Malindo sepenuhnya. Antara cabaran yang wujud adalah masalah komunikasi yang tidak lancar dalam perundingan GBC Malindo yang disebabkan oleh beberapa faktor antaranya isu *trust deficit*, persepsi ancaman yang berbeza, jurang kemampuan dan keupayaan negara serta masalah penyelarasan antara agensi.

Oleh itu, kajian ini akan melihat bagaimana GBC Malindo bertindak balas terhadap semua cabaran-cabaran ini dan apakah pendekatan dan strategi yang diambil oleh kedua-dua negara dalam menghadapinya. Ini kerana jika dilihat sehingga kini, GBC Malindo tetap bertahan dan kekal sebagai platform kerangka kerjasama utama di antara Malaysia dan Indonesia seperti mana yang digariskan dalam Dasar Keselamatan Negara (2021-2025) yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada tahun 2021. Menarik untuk kita mengetahui apakah pendekatan dan strategi yang dilaksanakan oleh kedua-dua negara dalam

memastikan GBC Malindo tetap relevan khususnya dalam memastikan perundingan yang dilaksanakan memenuhi kepentingan nasional kedua-dua negara.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang mana data premier diperolehi melalui analisis dokumen melibatkan risalah/minit mesyuarat yang dikeluarkan oleh sekretariat GBC Malindo dan temu bual berstruktur (*structured interview*) melibatkan pegawai-pegawai kanan daripada kementerian dan agensi berkaitan pengurusan keselamatan kedua-dua negara. Di pihak Malaysia, temu bual dilaksanakan ke atas Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Pengarah Keselamatan Strategik Perdana Menteri, Pegawai Kementerian Pertahanan (MINDEF) yang ditempatkan di MKN dan Timbalan Setiausaha Bahagian Keselamatan di Kementerian Dalam Negeri (KDN). Manakala di pihak Indonesia melibatkan Pegawai-Pegawai Kanan daripada Kementerian Dalam Negeri Republik Indonesia (Kemendagri) yang bertugas sebagai Sekretariat GBC Malindo. Dalam pada itu, data sekunder pula diperolehi melalui pengumpulan maklumat secara atas talian melibatkan jurnal, artikel dan berita bagi memberi pemahaman yang jelas tentang konsep yang akan diaplikasikan dalam kajian iaitu kerjasama keselamatan dan *Confident Building Measures* (CBM) dalam GBC Malindo.

KERJASAMA KESELAMATAN SEMPADAN DI ANTARA MALAYSIA DAN INDONESIA MELALUI GBC MALINDO

Kebanyakan negara di rantau Asia Tenggara meletakkan kepentingan keselamatan negara sebagai nilai teras yang perlu diberi keutamaan termasuk membendung ancaman keselamatan di sempadan. Perubahan ancaman keselamatan dari bersifat tradisional kepada bukan tradisional menuntut negara untuk memberi perhatian serius terhadap isu-isu bukan tradisional ini kerana kegagalan dalam aspek ini boleh mengakibatkan keutuhan dan keselamatan negara terjejas. Jika dilihat tahap keselamatan sempadan darat Malaysia-Indonesia masih rendah dan boleh dipertikaikan khususnya sempadan masih dikatakan porus dan isu keselamatan sempadan masih kerap berlaku. Porus apabila ianya mudah dibolosi oleh sindiket-sindiket yang menjalankan aktiviti jenayah rentas sempadan seperti penyeludupan PATI, barangan bersubsidi, dadah dan senjata api serta sindiket ini bijak dalam modus operandi mereka bagi mengelak ditangkap (Salleh & Wey, 2018).

Sempadan darat Malaysia-Indonesia juga walaupun telah diwujudkan pos-pos kawalan sempadan dan pintu masuk sempadan (ICQS/PLBN), namun jenayah rentas sempadan yang menggunakan jalan tikus masih berlaku dan terdapat aktiviti jenayah rentas sempadan didalangi oleh komuniti sempadan. Isu keselamatan berhampiran sempadan Sarawak-Kalimantan sebagai contoh masih menjadi kebimbangan besar kedua-dua negara apabila isu-isu keselamatan tersebut masih giat berlaku (Jalli & Sualman, 2020).

Amatlah penting untuk Malaysia menjalinkan kerjasama dengan negara lain khususnya negara yang bersempadanan di mana ianya boleh mendatangkan kebaikan kepada negara. Menurut Mohd Ikkal (2018), bantuan asing terbukti telah berjaya meningkatkan bidang keberhasilan utama nasional dan menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi negara. Manakala, strategi yang akrab di antara negara-negara dapat menyelesaikan konflik dan

pertikaian disamping mendapat manfaat/pejuang pembangunan dan pengukuhan infrastruktur sosial di antara kedua-dua pihak (Muhamad Azwan et al., 2018).

Hakikatnya, pengurusan keselamatan sempadan negara melibatkan banyak aktor sama ada di peringkat unilateral mahupun bilateral. Dari segi unilateral, ia melibatkan kerjasama dan penyelarasan antara agensi-agensi mengikut fungsi dan tanggungjawab masing-masing. Sebagai contoh aspek pengukuran dan penandaan sempadan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), aspek kawalan dan penguatkuasaan sempadan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), aspek pengurusan pintu masuk oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan aspek sosial ekonomi persempadanan oleh Kerajaan Negeri. Selain itu, di peringkat Pusat melibatkan penyelarasan dasar oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Pertahanan (Mindef). Kesemua ini merupakan kerjasama dan koordinasi dalam negara yang dijalankan oleh Malaysia.

Namun, dalam aspek kerjasama keselamatan sempadan, ianya ditangani secara khusus oleh GBC Malindo yang ditubuhkan pada 6 April 1972 berdasarkan (*Security Arrangement*) (SA)1972 dan dikemaskini pada 3 Disember 1984 (SA 1984), bagi membolehkan operasi-operasi bersama dijalankan untuk mengatasi ancaman keselamatan di sepanjang sempadan kedua-dua negara. GBC Malindo dipengerusikan secara bersama oleh Menteri Pertahanan Malaysia dan Menteri Pertahanan Indonesia dan ahli-ahli yang dilantik oleh Kerajaan masing-masing. Di bawah GBC Malindo, terdapat Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (*High Level Committee* – HLC) Malindo yang dipengerusikan secara bersama oleh Panglima Angkatan Tentera (PAT) Malaysia dan Panglima Tentera Nasional Indonesia (TNI) serta ahli-ahli lain yang dilantik oleh Pengerusi Bersama GBC Malindo masing-masing.

Seterusnya, terdapat empat (4) Jawatankuasa Kerja yang telah diwujudkan iaitu Jawatankuasa Kawalan Operasi Terkoordinasi (COCC), Jawatankuasa Latihan Bersama (JKLB), Jawatankuasa Bersama Kerjasama Polis (JPCC) dan Jawatankuasa Pembangunan Sosio Ekonomi (SOSEK Malindo). Semua Jawatankuasa Kerja ini menjalankan peranan dan fungsinya yang tersendiri melibatkan perancangan strategik, pelaksanaan operasi dan gerak kerja, pertukaran maklumat risikan dan penyelarasan aktiviti sosio-ekonomi penduduk di kawasan persempadanan berdasarkan kepada pengarah yang diputuskan dalam GBC dan HLC (Pengurusan Keselamatan Sempadan Darat Negara, 2017).

PENUBUHAN GBC MALINDO DALAM MEREDAKAN KONFLIK GEOPOLITIK ANTARA MALAYSIA DAN INDONESIA

Selain bertanggungjawab untuk menangani isu-isu keselamatan di sempadan Malaysia dan Indonesia, GBC Malindo juga ditubuhkan bagi merapatkan hubungan kedua-dua negara yang sering dilanda konflik. Konflik antara Malaysia dan Indonesia bermula sebelum kewujudan GBC Malindo lagi. Sekitar tahun 1963-1966, Indonesia telah melancarkan Konfrontasi ke atas Malaysia, berikutan dari Presiden Indonesia ketika itu, Soekarno menganggap pembentukan Malaysia sebagai satu alat imperialis Barat ataupun “boneka neo-kolonial” demi kepentingan British di rantau Asia Tenggara dan kemerdekaan Tanah Melayu yang diperolehi oleh Malaysia amat mudah, berbanding Indonesia yang perlu melalui revolusi. Soekarno sebelumnya sangat ingin menubuhkan Indonesia Raya, yang menggabungkan Tanah Melayu dengan Indonesia, namun tidak kesampaian selepas pembentukan Malaysia pada 1963. Konflik ini berterusan

sehingga berlakunya gerakan Ganyang Malaysia oleh pasukan komando dari Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI) (Haris et al., 2015). Konfrontasi ini kemudian berjaya diselesaikan melalui Perjanjian Bangkok pada Ogos 1966 (Ab Ghani & Paidi, 2020).

Selepas penubuhan GBC Malindo, wujud beberapa konflik geopolitik melibatkan Malaysia dan Indonesia terutamanya selepas Malaysia mengistiharkan Peta Malaysia 1979. Terdapat lima kawasan sempadan maritim yang mempunyai tuntutan bertindih yang melibatkan Malaysia dan Indonesia antaranya melibatkan penetapan sempadan maritim di Selat Melaka, Laut China Selatan, Laut Sulawesi dan sekitar Blok Ambalat (Dollah & Hassan, 2012). Pertikaian maritim antara Malaysia dan Indonesia di Selat Melaka berlaku apabila Malaysia membuat tuntutan ZEE dengan pengistiharan Peta Malaysia 1979, yang dibantah oleh Indonesia kerana berpandangan Malaysia mengambil kesempatan daripada UNCLOS untuk meluaskan wilayahnya di Selat Melaka (Zulkifli et al., 2020). Ditambah lagi dengan isu kedaulatan Pulau Sipadan dan Ligitan pada 17 Disember 2002 telah membibitkan rasa tidak puas hati Indonesia sehingga menimbulkan rasa kebencian di kalangan masyarakatnya terhadap Malaysia (Maydhina & Hidayat, 2021).

Malaysia dan Indonesia juga berdepan dengan pertikaian dalam menentukan sempadan apabila terdapat sembilan titik sempadan yang belum dipersetujui sepenuhnya oleh kedua-dua negara (Muadi, 2021) dan terdapat beberapa kawasan yang masih belum dimuktamadkan dari segi garisan sempadannya (*outstanding boundary problem* - OBP) khususnya di kawasan tuntutan bertindih. Sehingga kini terdapat sembilan OBP yang masih dalam proses rundingan antara Kerajaan Malaysia dan Indonesia (Igai, 2020). Proses rundingan untuk menyelesaikan OBP masih berlaku melalui Jawatankuasa Bersama Malaysia-Indonesia (JIM) mengenai Pengukuran dan Penandaan Sempadan Antarabangsa Malaysia-Indonesia namun terdapat kesukaran bagi kedua-dua negara dalam menentukan garis sempadan berdasarkan takrifan garisan sempadan yang berbeza-beza.

Selain dari aspek keselamatan, aspek ekonomi juga adalah amat penting dalam pengurusan keselamatan sempadan kedua-dua negara. Konflik berlaku akibat aktiviti perdagangan haram dan manipulasi yang dilakukan oleh penyeludup (Jawhar & Saribujaya, 2016). Sebagai contoh, penyeludupan Tong Gas Malaysia ke Indonesia dalam kuantiti yang banyak melebihi kuota yang diwartakan (Taiming, 2017). Berlaku juga penyeludupan barang keperluan harian secara haram seperti beras dan ayam dari Malaysia ke Indonesia. Perkara ini telah dibincangkan dalam GBC Malindo namun isu masih belum selesai atas faktor-faktor kepentingan nasional kedua-dua negara.

Sejarah membuktikan kedua-dua negara memilih untuk menyelesaikan masalah melalui proses perundingan dan menolak sekeras-kerasnya konflik, terutama penggunaan kekerasan dan paksaan. Inilah yang menjadi asas kepada hubungan kerjasama antara Malaysia dan Indonesia dalam banyak bidang termasuk keselamatan dan kemakmuran ekonomi di sempadan. Walaupun terdapat perbezaan dari aspek sistem politik antara Malaysia dan Indonesia, namun perbezaan tersebut tidak menghalang kedua-dua negara bekerjasama bagi memastikan hubungan yang kekal erat dan sekaligus dapat meningkatkan keselamatan sempadan. Kedua-dua negara juga turut bekerjasama dengan negara lain untuk mempertahankan kepentingan bersama di mana keperluan utama negara adalah bagi mencari sumber pendapatan dan menjamin kepentingan ekonomi perdagangan.

Aspek yang penting dalam sesebuah kerjasama adalah kedua-dua negara mendapat manfaat daripada hubungan kerjasama yang dibentuk tersebut. Kita tidak boleh menafikan bahawa kewujudan GBC Malindo telah banyak membantu menyelesaikan isu-isu keselamatan dan konflik yang berlaku di antara negara Malaysia dan Indonesia. GBC Malindo sentiasa proaktif untuk menggerakkan jawatankuasa-jawatankuasa di bawahnya berdasarkan fungsi-fungsi yang ditetapkan bagi memastikan sempadan darat Malaysia dan Indonesia sentiasa dalam keadaan yang selamat. Sungguhpun begitu, kerangka ini tidak dapat lari dari isu dan cabaran dalam melaksanakan program dan aktiviti yang dirancang tersebut. Salah satunya berkaitan halangan komunikasi yang wujud dalam rundingan GBC Malindo.

ISU DAN CABARAN KOMUNIKASI DALAM GBC MALINDO

Bagi menyelesaikan isu-isu keselamatan di sempadan Malaysia-Indonesia, kedua-dua negara mengadakan perundingan melalui platform kerangka utama kerjasama keselamatan sempadan iaitu GBC Malindo. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan komunikasi dalam perundingan tersebut tidak dapat berjalan dengan lancar dan sempurna. Faktor-faktor ini telah mengekang komunikasi sehingga penyampaian kepada pelaksanaan tersebut tidak seperti yang diharapkan, tertangguh atau tidak dapat dilaksanakan. Antara faktor-faktor penyebab yang dikenalpasti adalah isu *trust deficit*, persepsi ancaman yang berbeza, jurang kemampuan dan keupayaan negara serta masalah penyelarasan antara agensi. Dalam hubungan ini, pengkaji akan menghuraikan isu dan cabaran komunikasi dalam GBC Malindo ini berdasarkan beberapa kajian kes yang dipilih.

i. Isu Trust Deficit

Isu kepercayaan merupakan salah satu pembolehubah dominan yang boleh mempengaruhi tingkah laku dalam komunikasi dan mampu meningkatkan intensiti dalam sesebuah interaksi (Atnan & Nadhya, 2023). Oleh itu, masalah berkaitan kepercayaan (*trust deficit*) harus diberi perhatian sewajarnya oleh pemerintah supaya hubungan antara negara tidak terjejas khususnya di peringkat antarabangsa. Dalam konteks kajian ini, isu *trust deficit* yang wujud antara Malaysia dan Indonesia adalah disebabkan faktor sejarah konflik yang panjang, perbezaan budaya atau ketidaksefahaman mengenai kepentingan nasional masing-masing. Ancaman di sempadan yang pada dahulunya melibatkan insurgensi daripada Parti Komunis Malaya (PKM), Pasukan Gerila Rakyat Sarawak (PGRS) dan Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU), ditangani melalui kedua-dua negara bersatu hati. Namun ianya telah berubah dengan peredaran globalisasi dan geopolitik, apabila wujudnya isu kekurangan kepercayaan antara kedua-dua negara (*trust deficit*).

Kedinamikan hubungan hubungan antara Malaysia dan Indonesia telah mewujudkan beberapa konflik berkaitan kedaulatan negara melibatkan aspirasi geopolitik yang berbeza, penentuan garisan sempadan yang tidak jelas dan beberapa isu tuntutan bertindih di sempadan darat dan maritim kedua-dua negara. Menurut Ab Ghani dan Paidi (2010), keunikan hubungan dua negara serumpun ini turut digambarkan oleh beberapa konflik yang sering kali silih berganti. Sebagai contoh, dalam konflik untuk mendapatkan Pulau Sipadan dan Ligitan, apabila Malaysia telah berjaya memenangnya melalui keputusan oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa (*International Court of Justice - ICJ*), Indonesia tidak dapat menerimanya dan

tidak percaya atas keputusan ini. Perkara ini telah meningkatkan ketengangan dan ketidakpercayaan di antara Malaysia dan Indonesia. Isu kekurangan kepercayaan juga wujud disebabkan oleh jurang tadbir urus melibatkan perbezaan struktur pentadbiran, fokus dan kepentingan (*interest*) yang berbeza, masalah perkongsian maklumat di antara agensi kedua-dua negara serta pelaksanaan *integrated border management* (IBM) yang masih belum dilaksanakan telah menyebabkan kelemahan dari aspek penyelarasan antara agensi.

Isu *trust deficit* sememangnya berlaku dalam hubungan dua negara apabila melibatkan kepentingan nasional masing-masing. Namun ianya turut berlaku di antara agensi-agensi keselamatan di sempadan di kedua-dua negara. Menurut Nur Syahrizal dan Triadi Maharso, Kemendagri, Indonesia semasa temu bual pada 19 September 2022, merasakan bahawa agak sukar untuk mendapatkan maklumat daripada *counterpart* Malaysia terutama semasa mesyuarat bilateral. Maklumat yang didapati biasanya secara informal di luar mesyuarat. Di Indonesia, *trust deficit* berlaku apabila pegawai yang baru akan sukar mendapatkan kepercayaan dari *counterpart* Malaysia kerana mereka belum sangat mengenali satu sama lain, di mana merupakan kekangan dalam kerjasama. Banyak perkara yang *counterpart* Malaysia sukar berkongsi dengan pegawai baru Indonesia kerana mereka tidak kenal.

Perkara ini menyukarkan kerjasama kerana semua aktiviti-aktiviti yang dirancang memerlukan kesefahaman yang baik antara kedua-dua belah pihak dan ianya sukar ditangani melalui satu pihak sahaja. Ianya sama dengan pihak Indonesia yang sukar untuk memberikan sesetengah maklumat kepada *counterpart* Malaysia akibat kebimbangan sekiranya tidak mendapat kebenaran dari pihak atasan. Maklumat yang mereka kongsi biasanya hanya apabila telah dipersetujui oleh pihak atasan (Nur Syahrizal & Maharso, komunikasi personal, 2022). Isu *trust deficit* juga wujud disebabkan perbezaan dari sudut keutamaan dan kepentingan kedua-dua negara khususnya dalam konteks keuntungan yang diperolehi daripada pelaksanaan program dan aktiviti di bawah GBC Malindo. Ini terbukti melalui isu yang dibincangkan dalam GBC Malindo berhubung normalisasi perdagangan dan pembukaan pintu sempadan (ICQS) di sempadan Malaysia-Indonesia yang tidak dapat diselesaikan kerana isu *trust deficit* yang wujud di kedua-dua negara.

Kajian Kes 1: Normalisasi Perdagangan di Sempadan Sarawak-Kalimantan Barat dan Pembukaan Pintu Sempadan (ICQS) di Serudong-Simanggaris

Komuniti di sempadan lebih terdorong untuk menjalankan aktiviti perdagangan rentas sempadan sebagai sumber ekonomi utama seperti mana yang berlaku di sempadan Entikong dan Serikin (Abd. Hair et al., 2013). Ketika ini hanya terdapat tiga pintu masuk (*Immigration, Customs, Quarantine and Security* (ICQS)) di Sarawak iaitu di Entikong-Tebudu, Aruk-Biawak dan Seruran-Lubok Antu, manakala dua lagi pintu masuk baharu sedang dalam perancangan untuk dibuka iaitu di Telok Melano-Temajuk dan Serudong-Simanggaris. Pihak Malaysia menasakahkan untuk menjadikan kawasan Tebedu-Entikong sebagai sebuah pusat pembangunan perdagangan dan aktiviti perindustrian, di mana kerajaan Sarawak telah memenuhi permintaan kerajaan Indonesia untuk melebarkan jalan masuk sempadan dan membina semula pintu pagar dengan kos sebanyak RM2 juta bagi melicinkan pergerakan kenderaan kargo di sempadan serta kerajaan persekutuan juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM100 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 bagi menaik taraf CIQS Tebedu

(Sarbinee, 2022).

Namun, terdapat isu di mana pihak Indonesia meminta untuk membincangkan isu normalisasi perdagangan di sempadan Lubok Antu-Badau dan Biawak-Aruk sedangkan isu sebelum ini iaitu berkaitan normalisasi perdagangan di sempadan Tebedu-Entikong masih belum dimuktamadkan. Walau bagaimanapun, Malaysia tidak bersetuju dengan cadangan Indonesia tersebut yang mahukan cadangan normalisasi bagi ketiga-tiga pintu masuk tersebut dibuat secara bersekali dan berpegang kepada pendirian untuk menyelesaikan normalisasi perdagangan di Tebedu-Entikong terlebih dahulu (SOSEK Malindo, 2014-2019). Pendirian Malaysia ini adalah disebabkan wujudnya *trust deficit* oleh Malaysia terhadap Indonesia, di mana Malaysia merasakan cadangan Indonesia ini adalah untuk kepentingan negaranya sahaja, yang membawa Indonesia untuk berusaha membuka banyak kawasan perdagangan di kawasan sempadan dari masa ke semasa, walaupun normalisasi perdagangan di kawasan yang masih dalam pembangunan masih belum diselesaikan. Pihak Indonesia juga tidak berjaya meyakinkan Malaysia dan memberikan justifikasi seutuhnya mengenai mengapa kawasan baharu pula dicadangkan untuk dilaksanakan pembangunan. Perkara ini juga berkaitan dengan isu komunikasi yang tidak lancar.

Dalam isu lain, terdapat rundingan dalam GBC Malindo berkaitan kawasan yang hendak dijadikan pintu masuk sempadan (ICQS) iaitu Serudong-Simanggaris, di mana Indonesia telah mula melaksanakan pembangunan Pos Lintas Batas Negara (PLBN), namun Malaysia masih belum melaksanakan sebarang pembangunan ICQS. Perkara ini juga disebabkan Malaysia mempunyai isu kekurangan kepercayaan terhadap Indonesia, yang merasakan pembukaan pintu masuk ini hanya akan menguntungkan pihak Indonesia. Akibatnya, pembangunan di kawasan sempadan yang tidak seimbang telah berlaku iaitu di sebelah Indonesia telah hampir siap pembangunan PLBN dan infrastruktur yang lain manakala pembangunan di sebelah Malaysia masih tidak dijalankan. Isu *trust deficit* ini telah menyukarkan rundingan dan telah memberikan perspektif negatif kepada Malaysia yang dilihat sebagai tiada tindakan dan kurang cekap.

ii. Persepsi Ancaman yang Berbeza

Persepsi dibentuk oleh ancaman yang mengubah tingkah laku sehingga mempengaruhi persepsi realiti dan melibatkan pihak lain. Persepsi juga dibentuk berdasarkan pengalaman yang berbeza (Mohamad Razali, 2022). Jika dilihat kedua-dua negara dijajah oleh penjajah yang berlainan. Malaysia dijajah oleh British pada awalnya manakala Indonesia dijajah oleh Belanda (Noviatin et al., 2023). Sebagai bekas tanah jajahan (Malaysia-British, Indonesia-Belanda), identiti politik dan komuniti di kedua-dua negara tersebut adalah berdasarkan acuan dan takrifan mereka (penjajah) tanpa mengambil kira budaya, etnik, sosial dan ideologi khususnya melibatkan komuniti di sempadan.

Walaupun kedua-dua negara berkongsi sempadan darat yang sama, namun wujud perbezaan dari aspek pendekatan dan strategi yang dilaksanakan berikutan persepsi ancaman yang berbeza. Perbezaan persepsi ancaman ini sememangnya mengganggu kelancaran program dan aktiviti yang dirundingkan dalam GBC Malindo. sebagai contoh, Malaysia meletakkan 90 peratus keutamaan terhadap keselamatan dan pertahanan dan 10 peratus keutamaan kepada ekonomi di sempadan darat Malaysia-Indonesia. Pendekatan ini dibuat berdasarkan kepada ancaman keselamatan yang dihadapi oleh Malaysia khususnya

melibatkan PATI, penyeludupan barangan bersubsidi, dadah dan lain-lain lagi telah memberi kesan terhadap keselamatan negara (Md. Saad, komunikasi personal, 2022).

Berbanding dengan pendekatan Indonesia yang meletakkan keperluan ekonomi sebagai keutamaan sebanyak 80 peratus manakala keselamatan adalah 20 peratus (Nur Syahrizal & Maharso, komunikasi personal, 2022). Pendekatan ini diambil kerana isu-isu keselamatan melibatkan penyeludupan dan pencerobohan sempadan lebih banyak dilakukan oleh komuniti di sebelah Indonesia selain kepentingan untuk menjaga kebajikan komuniti mereka. Indonesia sedar bahawa kebanyakan aktiviti rentas sempadan yang dilakukan oleh rakyatnya di sempadan adalah bagi tujuan sosial iaitu ikatan kekeluargaan dan juga bagi mendapatkan keperluan harian. Umum mengetahui bahawa harga barangan keperluan harian di Malaysia lebih murah berbanding di Indonesia selain faktor jarak yang lebih dekat jika merentas sempadan.

Pendekatan yang berbeza ini telah mempengaruhi corak dan bentuk komunikasi yang dijalankan oleh kedua-dua negara dalam memastikan kepentingan mereka diambil kira dalam proses rundingan. Kedua-dua negara pada dasarnya memperakui bahawa keperluan keselamatan memang secara pratiknya amat penting untuk sesebuah negara namun keperluan ekonomi yang boleh mendatangkan keuntungan kepada negara juga tidak boleh diabaikan. Pendirian Indonesia adalah betul iaitu perlu menyelesaikan isu-isu ekonomi untuk mencapai tahap keselamatan yang tinggi namun pendirian Malaysia juga betul iaitu keselamatan dan pertahanan perlu diutamakan di sempadan kerana merupakan cerminan terhadap kedaulatan dan keselamatan negara. Kajian kes rundingan berkaitan *Border Crossing Agreement (BCA)* dan *Border Trade Agreement (BTA)* yang dibincangkan dalam GBC Malindo menunjukkan bahawa kedua-dua negara mempunyai persepsi ancaman yang berbeza dalam mendefinisikan keperluan keselamatan dengan keperluan ekonomi.

Kajian Kes 2: Rundingan berkaitan Border Crossing Agreement (BCA) dan Border Trade Agreement (BTA)

Bagi kemudahan komuniti sempadan membeli barangan keperluan harian dan menziarahi keluarga rentas sempadan, kerajaan Malaysia dan Indonesia telah menandatangani dua Perjanjian Lintas Sempadan/Batas iaitu *Agreement on Border Trade between the Government of the Republic of Indonesia and the Government of the Malaysia*, yang dirujuk sebagai *Border Trade Agreement (BTA)* pada 24 Ogos 1970 serta *Agreement on Border Crossing between the Republic of Indonesia and Malaysia* atau juga dikenali sebagai *Border Crossing Agreement (BCA)* pada tahun 1984. Kedua-dua perjanjian ini kemudiannya diputuskan untuk dikemaskinikan dan ditandatangani semula, di mana perbincangan dimulakan dalam BCA pada tahun 2006. Namun, hanya pada tahun 2023 ianya telah dimuktamadkan. Tempoh masa perbincangan mengambil masa yang sangat lama disebabkan wujud perbezaan persepsi ancaman di antara Malaysia dan Indonesia.

Dalam proses rundingan penentuan *exit entry point* yang ditetapkan pada BCA dan BTA, Malaysia dan Indonesia mempunyai pendapat yang berbeza di mana pihak Kerajaan Malaysia meletakkan penetapan pada *Area of Access* iaitu terdapat had limit kawasan kemasukan pada hanya sehingga 5km ke 20km dari *exit entry point*. Keputusan ini adalah bagi tujuan pengawalan dari segi keselamatan di mana dikhuatiri penduduk sempadan mengambil

kesempatan untuk pergi jauh di luar kawasan sempadan yang dibenarkan. Kerajaan Indonesia tidak mahu membuat penetapan dan memohon supaya Malaysia melupuskan penetapan ini kerana mengambil faktor mereka yang masuk untuk menziarahi keluarga kebiasaan jaraknya akan melebihi 5km. Namun permintaan Indonesia ini ditolak oleh Malaysia kerana kebimbangan pelupusan had jarak tersebut boleh disalah guna oleh komuniti sempadan khususnya dalam melakukan JRS. Penentuan jarak had limit kawasan sering menjadi punca mengapa rundingan BCA dan BTA tersebut gagal mendapat keputusan.

Dapat dilihat bahawa wujud perbezaan persepsi ancaman dalam menentukan had limit kawasan untuk komuniti sempadan yang dibenarkan melintasi pintu masuk sempadan, di mana Malaysia merasakan adalah penting untuk diletakkan penetapan had limit kawasan sebagai langkah kawalan dan penguatkuasaan, manakala Indonesia pula merasakan tidak perlu penetapan had limit kawasan bagi menjaga kebajikan sosial dan kemudahan aktiviti perdagangan komuniti sempadan. Selain itu, dalam perbincangan BCA jua, pihak Indonesia meminta supaya Pulau Sebatik digazetkan sebagai salah satu *exit entry point*, namun Malaysia tidak mempersetujuinya kerana Pulau Sebatik merupakan kawasan yang masih mempunyai OBP. Isu sebenar adalah di Pulau Sebatik banyak berlaku aktiviti-aktiviti tidak sah melibatkan penyeludupan barangan, di mana Malaysia merasakan permintaan Indonesia ini adalah untuk kepentingan perdagangan rakyatnya serta keuntungan ekonomi negaranya. Isu ini juga menyerlahkan Malaysia yang meletakkan keselamatan sebagai keutamaan dan Indonesia mementingkan ekonomi. Jelas kelihatan perbezaan persepsi ancaman antara kedua-dua negara. Ianya juga memberi kesan kepada komunikasi yang dilaksanakan melalui perbincangan dalam mesyuarat BCA menjadi tidak lancar dan sukar mendapat kesepakatan.

iii. Jurang Kemampuan dan Keupayaan Negara

Kemampuan dapat membantu untuk menangani masalah atau konflik yang berlaku. Keupayaan negara jika tidak dibendung boleh menjadi “duri dalam daging” yang merosakkan integriti kerajaan (Syed Ismail & Mahbob, 2023). Oleh itu, amatlah penting bagi kedua-dua negara untuk memastikan kemampuan dan keupayaan mencukupi bagi mengawal sempadan. Namun pada dasarnya, kedua-dua negara menghadapi masalah dalam menempatkan anggota yang mencukupi bagi mengawal sempadan darat Malaysia-Indonesia yang luas. Aspek kawalan dan penguatkuasaan sempadan menjadi sangat sukar disebabkan faktor geografi dan penggunaan teknologi bagi membantu operasi pengawalan sempadan tidak dilaksanakan sepenuhnya.

Di pihak Malaysia, isu kekurangan anggota dan kekangan teknologi ada dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara pada 2018 mengenai aktiviti kawalan dan penguatkuasaan sempadan darat Malaysia. Aspek penguatkuasaan dan pengawalan sempadan yang ketika ini dipertanggungjawabkan kepada ATM, PDRM dan Pasukan Gerakan Am (PGA) dilihat tidak dapat membendung aktiviti pencerobohan di sebabkan oleh kekurangan anggota untuk menjaga keseluruhan sempadan yang sangat luas dan penggunaan teknologi dalam mengawal sempadan tidak diaplikasi sepenuhnya. Kajian oleh Jalli dan Sualman (2020) mendapati bahawa masalah berhampiran sempadan Sarawak-Kalimantan dipercayai berpunca daripada kawalan sempadan yang lemah oleh pihak berkuasa akibat infrastruktur sempadan yang tidak sempurna, terutamanya di kawasan yang terdedah kepada laluan haram.

Perkara ini sering dibangkitkan dalam mesyuarat GBC Malindo namun disebabkan jurang kemampuan dan keupayaan negara ini telah menjadikan isu ini hanya boleh dibangkitkan dalam mesyuarat sahaja. Kesukaran penempatan anggota di Pos Gabungan Bersama ini dijangka akan terus berlaku memandangkan kedua-dua negara telah bersetuju untuk mewujudkan 6 lagi Pos Gabungan Baharu iaitu 3 di Sarawak (Kandaie, Serikin, Tebedu) dan 3 lagi di Kalimantan (Temajuk, Jaagoi Babang, Nagau Badau). Dalam masa yang sama, kedua-dua negara juga perlu menempatkan anggota keselamatan di pos kawalan sempadan yang dibina secara unilateral dan jumlah pos kawalan ini menunjukkan trend peningkatan bagi memenuhi '*security measures*' yang diperlukan di sempadan darat Malaysia-Indonesia.

Dalam pada itu, isu penempatan pegawai juga menjadi masalah terutama melibatkan ketiadaan *dedicated* pegawai yang ditugaskan secara tetap dalam sekretariat GBC Malindo. Di pihak Indonesia, sekretariat yang mengendalikan GBC Malindo dan jawatankuasa-jawatankuasa di bawahnya sangat kerap bertukar. Perkara ini menyukarkan pengendalian isu kerana pegawai yang baru adalah daripada latar belakang yang berbeza. Berbanding dengan Malaysia yang mana sekretariat GBC Malindo merupakan pegawai yang sama melaksanakan tugas sekretariat HLC Malindo. Disebabkan itu, setiap pengarah di GBC Malindo diketahui dengan baik oleh sekretariat dan boleh diturunkan ke HLC Malindo. Begitu juga dengan COCC dan JKLK yang dipantau melalui mesyuarat oleh sekretariat yang sama iaitu MKN. Di Indonesia, sekretariat GBC Malindo adalah daripada pejabat Menteri Pertahanan Indonesia dan berlainan sekretariat yang menguruskan HLC Malindo kerana sekretariatnya bergantung kepada siapa yang akan mempengerusikan HLC Malindo ketika itu iaitu dari pejabat PAT Indonesia.

Situasi yang sama turut berlaku apabila ketidakhadiran ahli mesyuarat dari agensi lain dan hanya mewakili kepada pegawai gred yang lebih rendah atau tidak berkaitan dengan isu yang diketengahkan dalam mesyuarat turut mendatangkan masalah kepada perjalanan mesyuarat. Terdapat sesetengah pegawai yang mewakili ketua mereka tidak mampu dalam memberi maklum balas yang dikehendaki atau tidak berjaya membawa isu kepada pengurusan tertinggi agensi mereka dan kesannya isu yang dipersetujui dalam GBC Malindo tidak diambil tindakan susulan oleh agensi berkenaan. Pengkaji melihat perkara ini bergantung kepada keupayaan seseorang pegawai dari segi pemahaman terhadap sesuatu isu, kemahiran dan pengetahuan serta semangat untuk membuat sesuatu pembaharuan dan mempunyai kapasiti yang tinggi. Sekiranya berlaku pertukaran pegawai/pengurusan tertinggi, mereka perlu diterapakan untuk benar-benar mendalami sesuatu isu.

Selain isu berkaitan sumber manusia, isu peruntukan kewangan yang terhad juga merupakan isu yang sering dibangkitkan oleh kedua-dua negara dalam melaksanakan program dan aktiviti yang dirancang dalam GBC Malindo. Masalah yang berlaku dalam pengurusan GBC Malindo kini adalah apabila berlaku kurang peruntukan yang disalurkan dan isu peruntukan tidak sampai, di mana telah memberi kesan kepada pelaksanaan program dan aktiviti yang dirancang dalam GBC Malindo. Sebagai contoh dalam aktiviti pemotongan bukit di Tebedu-Entikong di mana ianya tertangguh selama bertahun-tahun disebabkan peruntukan yang tidak cukup daripada kedua-dua negara, Malaysia dan Indonesia. Peruntukan kewangan menjadi isu kerana ianya melibatkan jumlah yang tinggi dan kos juga semakin meningkat, di mana merupakan salah satu cabaran dalam GBC Malindo (Mat Zain, komunikasi personal, 2023).

Kajian Kes 3: Isu Rundingan Berkaitan Cadangan Pemotongan Bukit di Kawasan Tebedu-Entikong
Cadangan pemotongan bukit di kawasan Tebedu-Entikong telah dicadangkan oleh pihak Indonesia bagi memberi kemudahan kepada pembangunan *In-Land Port* di sebelah Entikong. Pada ketika itu, bukit yang terdapat di sebelah ICQS Tebedu-Entikong telah menghalang laluan kenderaan perdagangan khusus lori-lori yang membawa muatan melalui pintu masuk tersebut. Kerja-kerja awal dimulakan dengan penentuan titik sempadan di kawasan bukit yang akan dipotong telah dilaksanakan di Entikong pada 17 Oktober 2016 oleh Jabatan Pengukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), namun kerja-kerja pemotongan bukit di Tebedu tertangguh beberapa kali berdasarkan isu pengurusan projek yang dihadapi oleh kedua-dua negara khususnya berkaitan dengan peruntukan kewangan.

Pada dasarnya, pihak Indonesialah yang perlu menanggung kos berkenaan kerana cadangan pemotongan bukit tersebut dibuat oleh pihak mereka. Namun dalam mesyuarat SOSEK Malindo, wakil daripada Kalimantan Barat sering menyatakan kesukaran untuk menyediakan peruntukan kerana bajet ditentukan dan disediakan sendiri oleh provinsi berkenaan bukan daripada pusat. Oleh yang demikian, pelaksanaan pemotongan bukit tidak dapat dilaksanakan berikutan jurang yang wujud dalam penyediaan peruntukan kewangan oleh pihak Indonesia. Berbanding dengan Malaysia yang mana segala peruntukan bagi pelaksanaan projek pembangunan sempadan dikendalikan oleh kementerian dan agensi berkaitan.

Apa yang ingin dinyatakan dalam kajian kes ini adalah elemen jurang kemampuan dan keupayaan dalam sesebuah kerangka kerjasama melibatkan dua negara sememangnya merupakan isu yang sering menjadi permasalahan dalam melaksanakan apa-apa program dan aktiviti yang dirancang. Kesukaran pihak Indonesia untuk menyediakan peruntukan kewangan bagi aktiviti pemotongan bukit di Tebedu-Entikong telah diselesaikan melalui persetujuan Kerajaan Negeri Sarawak untuk menanggung kos tersebut memandangkan Kerajaan Negeri Sarawak juga ingin membangunkan daerah Tebedu sebagai pusat perdagangan melalui Pembangunan Ekonomi Bersama Sarawak-Kalimantan Barat melibatkan pewujudan Zon Ekonomi Sempadan di ICQS Tebedu-Entikong (UPEN Sabah & Sarawak, 2022). Sekiranya Kerajaan Negeri Sarawak tidak membuat keputusan tersebut, maka cadangan pemotongan bukit di ICQS Tebedu-Entikong tidak akan dilaksanakan memandangkan kesukaran pihak Indonesia untuk menanggung kos tersebut.

iv. Masalah Penyelarasan Antara Agensi

Penyelarasan antara pihak berkepentingan amatlah penting bagi memastikan usaha yang berkesan di mana ianya juga berkaitan dengan keberkesanan komunikasi (Moorthy et al., 2018). Masalah penyelarasan antara agensi sememangnya merupakan isu yang selalu dibangkitkan dalam GBC Malindo. Ini kerana struktur pengurusan keselamatan sempadan kedua-dua negara yang mengamalkan pendekatan *cooperation and coordination border management* yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi di kedua-dua negara. Di Malaysia, terdapat 19-22 agensi di peringkat pusat yang menjalankan fungsi dan peranan yang berbeza di sepadan darat Malaysia-Indonesia khususnya dari aspek pengukuran dan penandaan sempadan, kawalan dan penguatkuasaan, pengurusan pintu masuk dan sosio-ekonomi persempadan yang kebiasaannya melibatkan banyak agensi-agensi di peringkat negeri. Kekurangan aspek kerjasama dan penyelarasan antara agensi di peringkat domestik merupakan salah satu isu dan cabaran yang dihadapi oleh negara ketika ini khususnya

melibatkan tadbir urus agensi-agensi berkenaan serta faktor ketiadaan *lead agency* yang boleh mengurus isu keselamatan sempadan secara menyeluruh.

Di pihak Indonesia, berlaku masalah penyelarasan di antara sekretariat-sekretariat yang menguruskan GBC Malindo, apabila sekretariat bagi setiap isu merupakan pegawai dari Kementerian/Agensi yang berlainan, sehingga menyebabkan sekretariat terpaksa meminta maklumat daripada pihak Malaysia apabila tidak berjaya mendapatkannya daripada sekretariat yang lain (Mat Zain, komunikasi personal, 2023). Kemudian, berlaku penyelarasan antara agensi pusat dengan negeri/provinsi di Indonesia apabila agensi pusat sukar dan lambat untuk memberikan keputusan terhadap sesuatu isu, sehingga menyebabkan agensi negeri/provinsi bergerak sendiri dan perjalanan aktiviti tidak diketahui oleh agensi peringkat pusat dalam beberapa kes.

Selain penyelarasan dalam pengendalian mesyuarat GBC Malindo ini, berlaku juga masalah penyelarasan kawasan operasi dan tangkapan yang melibatkan agensi-agensi di sempadan serta isu penyelarasan pintu masuk dan ICQS melibatkan pergerakan manusia dan barangan. Perkara ini memberi kesan kepada pengurusan sempadan darat oleh GBC Malindo apabila ianya sedikit sebanyak telah memberi kesan terhadap peningkatan jenayah rentas sempadan. Akhirnya dari aspek integriti di kalangan anggota dan pasukan keselamatan sempadan, kelemahan sistem dan prosedur sedia ada di kalangan agensi-agensi keselamatan di sempadan darat Malaysia-Indonesia telah membuka ruang kepada pelakuan rasuah, ketirisan dan penyeludupan dalam kalangan anggota keselamatan.

Kajian Kes 4: Penjadualan Pelaksanaan Persidangan SOSEK Malindo Peringkat Wilayah Riau/Kepri – Peringkat Negeri Johor/Melaka.

Kerjasama SOSEK Malindo Peringkat Wilayah Riau/Kepri-Kedudukan Negeri Johor/Melaka telah bermula sejak 2009. Isu kawasan sempadan dan rancangan kerjasama telah banyak dibincangkan oleh kedua-dua wilayah dan negara, namun pelaksanaan dan hasil kerjasama yang telah dibincangkan masih banyak yang belum disusuli oleh kedua-dua wilayah dan negara. Disebabkan itu, kertas kerja yang dibincangkan oleh kedua-dua wilayah dan negara dari tahun ke tahun sehingga berterusan selama 4 hingga 5 tahun, merupakan isu yang sama, berulang dan tidak banyak berubah (SOSEK Malindo, 2019).

Perkara ini menyebabkan Persidangan SOSEK Malindo secara berkala Peringkat Provinsi Riau/Kepri – Peringkat Negeri Johor/Malaka dicadang untuk diadakan setiap dua tahun secara timbal balik, yang sebelumnya diadakan setahun sekali. Namun, pertemuan itu boleh diadakan mengikut jadual asal (setahun sekali) sekiranya perlukan perbincangan segera mengenai persetujuan isu-isu penting atau kerjasama oleh kedua-dua wilayah dan negara.

Justeru, dilihat terdapat masalah penyelarasan antara agensi di kedua-dua wilayah dan negara, Malaysia dan Indonesia, yang tidak mengambil tindakan susulan sewajarnya dan tidak mampu membawa isu, sehingga menyebabkan mesyuarat dianggap sebagai tiada keperluan untuk diadakan. Isu penyelarasan antara agensi ini sangat mempengaruhi keberkesanan GBC Malindo kerana apabila masalah dalaman/domestik ini mahupun masalah dalam struktur organisasi GBC itu sendiri tidak dapat diselesaikan, maka ianya mempengaruhi keberkesanan hasil persidangan/mesyuarat GBC Malindo serta mengekang kelancaran aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di sempadan darat Malaysia Indonesia, apabila tiada kesepakatan.

KEPENTINGAN CBM UNTUK MENINGKATKAN KOMUNIKASI DALAM GBC MALINDO

Kepentingan dalam elemen komunikasi adalah melibatkan kesanggupan, kualiti, tingkah laku, komitmen dan pendapat pemimpin (Ahmad Rizal et al., 2022). Pendapat pemimpin amatlah berkaitan dengan CBM yang dibina melalui diplomatik di antara pihak yang terlibat dalam konflik (Maiese, 2003). CBM dianggap sebagai alternatif kepada diplomatik tradisional dan boleh membawa keamanan di rantau antara dua negara (Haider & Azad, 2021).

GBC Malindo telah membentuk CBM yang signifikan dalam mengukuhkan hubungan Malaysia-Indonesia melalui hubungan baik di peringkat Menteri Pertahanan dan PAT kedua-dua negara. GBC Malindo ini seperti satu platform pertemuan antara pegawai Malaysia-Indonesia supaya hubungan ini dapat membantu menyelesaikan konflik di sempadan secara tidak formal dan membina hubungan (*networking*) yang baik di semua peringkat (Shamsul Bahari, komunikasi personal, 2023). *Trust deficit* yang wujud dalam hubungan Malaysia-Indonesia sebelum ini sekurang-kurangnya dapat diredakan melalui CBM dalam GBC Malindo. Antara tindakan CBM yang dilaksanakan dalam GBC Malindo adalah pertukaran maklumat risikan, operasi kawalan bersama, latihan bersama, perjumpaan rutin bukan sahaja semasa mesyuarat rasmi diadakan tetapi aktiviti riadah selepas itu seperti jamuan makan malam dan pertandingan sukan seperti golf, bowling dan sebagainya telah meningkatkan kepercayaan antara kedua-dua negara.

Kedinamikan hubungan antara Malaysia dan Indonesia sebelum ini telah mewujudkan konflik dan juga isu *trust deficit* yang dapat ditangani secara rundingan dan diplomasi melalui hubungan yang baik antara pengerusi GBC Malindo dan juga PAT kedua-dua negara. Hal ini membuktikan bahawa CBM penting untuk mewujudkan kepercayaan dan meningkatkan hubungan kerana apabila ianya telah wujud, maka segala isu dan konflik akan dapat diselesaikan segera kerana hubungan baik tersebut. Hubungan yang baik/kukuh di antara PAT Malaysia dan Indonesia serta Ketua Polis Negara (IGP) Malaysia dan Indonesia telah berjaya menyelesaikan beberapa konflik sebelum ini dan juga koordinasi yang lebih baik dalam melaksanakan operasi kawalan dan penguatkuasaan di sempadan darat Malaysia-Indonesia (Md. Saad, komunikasi personal, 2022).

Malaysia dan Indonesia pernah berhadapan dengan situasi yang agak tegang melibatkan ketenteraan pada suatu ketika dahulu di mana sebuah kapal AF-18 milik Indonesia telah menceroboh ke kawasan Malaysia dan pasukan keselamatan Malaysia telah bersedia untuk menembak kapal tersebut. Perkara ini kemudiannya dirujuk kepada PAT Malaysia ketika itu apa yang perlu dilakukan dan PAT Malaysia telah menghubungi PAT Indonesia melalui panggilan telefon supaya berundur bagi mengelak konflik yang lebih besar berlaku. Hasilnya PAT Indonesia telah meminta kapal AF-18 tersebut berundur. Perkara ini tidak akan berlaku tanpa wujudnya kerangka GBC Malindo ini. Ini kerana apabila pertemuan diadakan antara PAT setiap tahun melalui HLC Malindo, maka hubungan itu menjadi rapat. Dalam pada itu, terdapat juga beberapa isu bilateral antara Malaysia dan Indonesia yang mana tidak dapat diselesaikan oleh Kementerian Luar Negeri (KLN) menggunakan kerangka GBC Malindo untuk diselesaikan (Mokhtar, komunikasi personal, 2023).

CBM dalam GBC Malindo bukan sahaja wujud di peringkat Menteri Pertahanan dan PAT kedua-dua negara namun wujud juga di peringkat anggota keselamatan yang menjaga sempadan kedua-dua negara melalui operasi bersama di Pos Gabungan yang terdapat di sempadan darat Malaysia-Indonesia dan juga beberapa siri latihan bersama yang diadakan di

bawah GBC Malindo. Dalam pada itu, perkongsian maklumat risikan antara kedua-dua pasukan (ATM dan TNI) juga menunjukkan tahap kepercayaan yang tinggi antara kedua-dua negara dalam membanteras aktiviti jenayah rentas sempadan. Keakraban antara anggota-anggota keselamatan khususnya melibatkan ATM dan TNI juga terserlah melalui aktiviti latihan bersama yang dilaksanakan melalui GBC Malindo. Antaranya adalah Latihan Bersama Harimau Shakti, *Sea Hawk* dan Gerak Cepat yang dilaksanakan setiap tahun. Latihan bersama ini bertujuan untuk meningkatkan kemampuan dan kesiapsiagaan anggota-anggota keselamatan kedua-dua negara dalam menghadapi ancaman keselamatan bukan sahaja di sempadan tetapi keselamatan negara umumnya. Pada mesyuarat GBC kali ke-42 tahun 2022, kesepakatan telah dibuat oleh kedua-dua negara untuk melaksanakan kembali Latihan Gabungan Bersama Malaysia-Indonesia Darat Samudera Angkasa (LATGABMA MALINDO DARSASA) pada tahun 2023 dengan berfokus kepada anti keganasan.

Dapat dilihat bahawa Kerajaan Malaysia dan Indonesia telah melaksanakan pelbagai pendekatan yang proaktif bagi memastikan keselamatan sempadan negara dapat diuruskan dan dikawal sebaiknya melalui CBM, di mana isu-isu yang sukar diselesaikan dan memerlukan keputusan segera, telah dapat ditangani hanya melalui satu panggilan telefon kerana CBM merupakan satu langkah melalui hubungan erat yang terjalin (*bonding*) antara pemimpin-pemimpin yang mengetuai GBC/HLC Malindo, dan daripadanya, kepercayaan (*trust*) dapat terbina sehingga apa pun isu yang kritikal dapat diketepikan demi kebaikan dan kepentingan kedua-dua negara. Justeru, CBM terbukti menjadi pendekatan dan strategi kepada negara Malaysia dan Indonesia bagi menangani masalah komunikasi yang wujud dalam perundingan GBC Malindo. Faktor-faktor yang mengekang komunikasi menjadi lancar dalam perundingan telah diatasi melalui CBM, yang secara tidak langsung dapat menyelesaikan segala isu dan masalah serta konflik yang wujud, hanya melalui hubungan rapat dan penyelesaian di luar (tidak formal), namun masalah negara dan rakyat di sempadan dapat ditangani.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, CBM yang wujud dalam GBC Malindo telah memudahcara masalah komunikasi yang wujud dalam perundingan dan perbincangan GBC Malindo. Ianya telah berjaya menyelesaikan faktor-faktor yang mengekang komunikasi. Antaranya *isu trust deficit* telah berjaya dikurangkan, konflik sempadan diredakan/ditangani, persepsi ancaman yang berbeza diselesaikan sehingga berjaya mempercepatkan pembangunan ekonomi yang tertangguh atau tiada keputusan serta penyelesaian isu jurang kapasiti/keupayaan dan penyelerasan antara agensi. Ini berdasarkan peranan yang dibawa oleh GBC Malindo itu sendiri yang dapat meningkatkan kepercayaan melalui CBM dalam hubungan Malaysia-Indonesia.

CBM yang wujud antara pemimpin utama kedua-dua negara melibatkan Menteri Pertahanan Malaysia dan Indonesia serta PAT dan Panglima TNI banyak membantu menyelesaikan konflik yang berlaku tanpa menggunakan saluran diplomatik dan hanya melalui hubungan rapat antara pemimpin-pemimpin tersebut. Walaupun GBC Malindo dilihat lebih bersifat pertahanan dari aspek kepengerusian, namun program dan aktiviti di bawah GBC Malindo merangkumi keseluruhan aspek seperti kawalan dan penguatkuasaan oleh agensi-agensi keselamatan selain ketenteraan dalam membanteras JRS, pembangunan

ekonomi/infrastruktur dan pewujudan perjanjian untuk kemudahan komuniti sempadan serta penerokaan kerjasama baharu berkisarkan agenda keselamatan.

Perlu difahami mengapa GBC Malindo masih wujud dan kekal relevan sehingga kini serta yakin bahawa CBM berupaya menyelesaikan masalah antara dua negara. Pada masa yang sama, limpahan ekonomi dan perubahan yang bakal berlaku sebaik sahaja Indonesia memindahkan ibu kotanya dari Jakarta ke Kalimantan berpotensi memberi impak kepada Malaysia terutamanya dalam aspek keselamatan yang dikhuatiri mampu mewujudkan kembali konflik di antara kedua-dua negara.

BIODATA

Shahrizal Bin Sa'ad, Pelajar PhD, Program Analisis Strategi dan Hubungan Antrabangsa, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Email: p112665@siswa.ukm.edu.my

Dr. Mohd Ikbal Bin Mohd Huda (Corresponding author), pensyarah di Pusat Kajian Sejarah, Politik Dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: ibahuda@ukm.edu.my

Prof. Dr. Ravichandran Moorthy, pensyarah di Pusat Kajian Sejarah, Politik Dan Hal Ehwad Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: drravi@ukm.edu.my

RUJUKAN

- Abd Hair Awang, J. S., Bakar, N. R. A., Abdullah, M. Y., & Liu, O. P. (2013). Informal cross-border trade Sarawak (Malaysia)-Kalimantan (Indonesia): A catalyst for border community's development. *Asian Social Science*, 9(4), 167-173.
- Ab Ghani, R., & Paidi, Z. (2010). Malaysia-Indonesia: Pengalaman hubungan dua negara serumpun. *Proceedings Seminar on Nasional Resilience (SNAR 2010) "Political Managements and Policies in Malaysia"*, 13-15 July 2010, Bayview Hotel Langkawi. Institute of Tun Dr. Mahathir Mohamad's Thoughts, Universiti Utara Malaysia, Sintok (pp. 223-246).
- Ahmad Rizal, A. R., Abang Ahmad, D. A. M., & Raslie, H. (2022). Conceptualising the role of opinion leaders as moderator to local communities commitment in Corporate Social Responsibility (CSR) communication. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 38(4), 425-441.
- Atnan, N., & Abrar, A. N. (2023). Relation of social media literacy, trust, and information quality on public communication behaviour in urban local government social media in Indonesia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39(2), 210-226.
- Dollah, R., & Hassan, W. S. W. (2012). Cabaran dan pengurusan sempadan maritim Indonesia: Pengajaran kepada Malaysia challenges in managing Indonesian maritime border: Lesson to Malaysia. *Jati-Journal of Southeast Asian Studies*, 17, 57-77.
- Dollah, R., Hassan, W. S. W., Peters, D., & Othman, Z. (2016). Old threats, new approach and national security in Malaysia: Issues and challenges in dealing with cross-border crime in east coast of Sabah. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 7(3 S1), 178.
- Haider, M. W., & Azad, T. M. (2021). The role of confidence-building measures in the evolution of relations between Pakistan and India. *World Affairs*, 184(3), 294-317.
- Haris, S. M., Mohd Shazali, N., Abu Hassan, N. N., Badaruddina, S., Che Sohb, M., & Othman, M. N. (2015). Perspektif hubungan Malaysia-Indonesia: Satu tinjauan dalam kalangan kepimpinan belia Indonesia. *Journal of Administrative Science*, 12(2), 1-17.
- Igai, P. (2020, September 2). *Jawapan lisan Sidang Dewan Negara*. Menteri Tenaga & Sumber Asli.
- Jalli, N., & Sualman, I. (2020). Exploring contemporary security issues near Sarawak-Kalimantan border. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(1), 401-418.
- Jawhar, J., & Sariburaja, K. (2016). *The Lahad Datu incursion & Its impact on Malaysia's security*. Southeast Asia Regional Centre for Counter-Terrorism, Ministry of Foreign Affairs.
- Kamaruddin, N., Mohd Huda, M. I., Deivasagayam, A. D., & Xia, M. (2022). Engaging North Korea: Malaysia's quest for the middle path. *Issues & Studies*, 58(2), 2240001.
- Maiese, M. (2003). Confidence-building measures. *Beyond Intractability (BI) and CRInfo*. https://www.beyondintractability.org/essay/confidence_building_measures
- Maydhina, R., & Hidayat, T. (2021). The dispute case of Sipadan Island and Ligitan Island by countries of Indonesia and Malaysia. *Journal of Global Environmental Dynamics*, 2(2), 5-7.

- Mohamad Razali Ramdzan@Raaban. (2022). Uncovering the elements, viewer's perception and factors of violent content in Netflix 'You' drama series. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 38(2), 231-250.
- Mohd Ikbal Mohd Huda. (2018). Projek komunikasi di bawah komitmen pinjaman Yen. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(2), 67-88.
- Moorthy, R., Benny, G., & Gill, S. S. (2018). Disaster communication in managing vulnerabilities. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(2), 51-66.
- Muadi, S. (2021). Smoke haze trigger factors in the Malaysia Indonesian border. *Utopía y praxis Latinoamericana: Revista Internacional de Filosofía Iberoamericana y Teoría Social*, 1, 381-393.
- Muhamad Azwan Abd Rahman, Sity Daud, & Abdul Rahman Embong. (2018). Laluan Sutera Baharu Maritim China dan implikasi polisi ke atas komunikasi strategik Asean. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(3), 1-20.
- Noviatin Syarifuddin, Mohamad Fauzi Sukimi, Mohd Nor Shahizan Ali, & Lyndon, N. (2023). Analisis pragmatik tajuk berita akhbar digital dalam isu Koko: Perbandingan antara Malaysia dan Indonesia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39(1), 309-335.
- Pengurusan Keselamatan Sempadan Darat Negara*. (2017). Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 4.
- Salleh, M. Z., & Wey, A. L. K. (2018). Shut the door! Military cooperation at the borders: Malaysian initiatives and capabilities. *Zulfaqar Journal of Defence Management, Social Science & Humanities*, 1(1), 1-10.
- Sarbinee, H. (2022, May 19). Normalisasi perdagangan di kawasan Tebedu-Entikong terus dibincang. *Utusan Borneo Online*.
<https://www.utusanborneo.com.my/2022/05/19/normalisasi-perdagangan-di-kawasan-tebedu-entikong-terus-dibincang>
- Taiming, A. R. (2017, Oktober 19). Tong gas LPG cuba diseludup dirampas. *Sinar Harian*.
<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2017/10/339243/tong-gas-lpg-cuba-diseludup-dirampas>
- SOSEK Malindo*. (2014-2019). Mesyuarat SOSEK Malindo di antara negeri Sarawak dan Kalimantan Barat.
- SOSEK Malindo*. (2019, March 4-7). Persidangan ke-15 Sekretariat Bersama (SEKBER). Hotel Comforta, Tanjung Pinang, Kepulauan Riau, Indonesia.
- Syed Ismail, S. H., & Mahbob, M. H. (2023). Kepentingan kecerdasan emosi dan pengaruhnya ke atas komunikasi berkesan kakitangan agensi penguat kuasa. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39(4), 202-223.
- UPEN Sabah & Sarawak*. (2022, June 7). Mesyuarat penyelarasan perancangan projek pembangunan sempadan Malaysia dan Indonesia (Sabah-Sarawak-Kalimantan).
- Zulkifli, N., Ibrahim, R. I. R., Rahman, A. A. A., & Yasid, A. F. M. (2020). Maritime cooperation in the Straits of Malacca (2016-2020): Challenges and recommend for a new framework. *Asian Journal of Research in Education and Social Sciences*, 2(2), 10-32.